

Ragam Sudi	Maju dan Undur	Ragam "L"
Pergerakan Setempat	Ragam "C"	

Kemahiran Asas Tarian Inang

Tarian Inang ditirikan secara berpasangan antara penari lelaki dengan penari perempuan. Inang bermaksud pengasuh. Tarian Inang menggambarkan kelembutan dan kesopanan seseorang wanita, iaitu pengasuh. Penari lelaki pula menggambarkan kesesuan pasangan dalam kehidupan sesebuah keluarga atau masyarakat. Pergerakan tarian Inang boleh ditirikan secara sederhana dan pantas. **Tempo** bagi pergerakan sederhana ialah 2 x 4 langkah manakala tempo bagi pergerakan pantas ialah 4 x 4 langkah berdasarkan irama mari.

1



1. Lakukan pergerakan setempat.
2. Kaki diangkat kiri dan kanan dalam kiraan 1 x 8.
3. Tangan melonggang.

2



1. Lakukan pergerakan setempat sambil tangan melonggang.
2. Bergerak ke hadapan dalam kiraan 1 x 8.
3. Berundur semula dalam kiraan yang sama.

3



1. Lakukan pergerakan setempat.
2. Mulakan dengan langkah kaki kanan dan tangan melonggang.
3. Melongkang ke hadapan membentuk huruf "C" dalam kiraan 1 x 4.
4. Berundur semula dalam kiraan yang sama.

4



1. Lakukan pergerakan setempat.
2. Langkah ke hadapan dengan kaki kanan, membentuk huruf "C" - sud.
3. Bergerak ke kanan atau ke kiri sambil membentuk huruf "C" - sud.
4. Berundur semula dalam kiraan yang sama.

5



1. Lakukan pergerakan setempat dalam kiraan 1 x 4.
2. Bergerak lurus ke hadapan dalam kiraan 1 x 4.
3. Bergerak ke kanan atau ke kiri dalam kiraan 1 x 4.
4. Berundur semula dalam kiraan yang sama.



Tempo – Urutan waktu dalam muzik.